



## Politik pembangunan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak

Mohd Fuad Mat Jali<sup>1</sup>, Junaidi Awang Besar<sup>1</sup>, Abdul Halim Sidek<sup>2</sup>, Yahaya Ibrahim<sup>3</sup>,  
<sup>4</sup>Noor Aziah Mohd Awal, <sup>5</sup>Khaidzir Ismail

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
<sup>2</sup>Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, <sup>3</sup>Universiti Malaysia Terengganu, <sup>4</sup>Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
<sup>5</sup>Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mohd Fuad Mat Jali (email: fuad@ukm.my)

### Abstrak

Politik pembangunan merupakan aspek penting dalam kemajuan sosioekonomi sesuatu kawasan, terutamanya di kawasan yang masih belum membangun di kawasan pedalaman. Politik pembangunan dapat diterjemahkan melalui projek pembangunan yang memberi faedah yang tersirat kepada rakyat antaranya ialah meningkatkan pendapatan rakyat, menambahkan peluang pekerjaan, menambahkan peluang perniagaan, menaikkan taraf ekonomi rakyat dan juga pelbagai lagi faedah yang bakal diterima oleh rakyat sekiranya pembangunan berada di kawasan mereka. Dalam konteks negeri Sarawak, negeri tersebut dilingkungi kawasan pedalaman yang sangat luas dan jaringan perhubungan dan pengangkutan memainkan peranan penting dalam menjana pembangunan kawasan atau bahagian. Dalam pilihan raya umum ke 12 yang lalu, Barisan Nasional (BN) telah dinafikan majoriti 2/3 di Parlimen dan hanya boleh membentuk kerajaan pusat dengan majoriti asas. Namun, benteng terakhir BN ialah di kawasan Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak di mana hampir 95 peratus kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen di kedua-dua negeri tersebut dikuasai BN. Pilihan raya kecil DUN Batang Air diadakan kerana kematian penyandangnya iaitu Datuk Dublin Unting Ingkot kerana penyakit angin ahmar. Ia dikatakan menjadi kayu pengukur pengaruh BN dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang akan menghadapi pilihan raya DUN yang akan diadakan selewat-lewatnya pada tahun 2012. Dapatkan kajian yang dijalankan menunjukkan 88.6 peratus menyatakan BN akan memenangi pilihan raya tersebut berbanding PKR 3.6 peratus. Setelah pilihan raya kecil diadakan, hasilnya dimenangi BN dengan majoriti yang bertambah lebih sekali ganda iaitu dari 806 undi kepada 1854 undi dan ini membuktikan sentimen politik pembangunan terus kekal di kawasan tersebut kerana pembangunan hanya dapat dijalankan dengan memilih parti yang memerintah sesebuah negeri. Justeru, artikel ini akan menyingkap faktor politik pembangunan dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya kecil tersebut.

**Katakunci:** kawasan pilihanraya terpencil, parti Barisan Nasional, pilihan raya kecil, politik pembangunan, Sarawak, sentimen politik

## The politics of development in the by-election of Sarawak's Batang Air state assembly

### Abstract

Politics of development refers to the process of gaining political support of an electoral constituency by bringing or promising to bring in development projects into the area that would enhance the socio-economic status of the voting

population there. This has been a very useful instrument in Malaysia particularly in areas that are yet to develop significantly. Among others, the development projects normally implied increased incomes, increased employment opportunities, increased business opportunities, and overall higher economic status for the people and electorates . In the context of the vastly rural Sarawak, communication and transport development projects were the favourite. This paper brings into focus the phenomenology of the ruling BN government's politics of development with reference to the Batang Ai by-election held in April 2009. The results of this by-election had been deemed a crucial test and indicator as to which party will win in the forthcoming general elections of 2012. The BN had campaigned on the usual platform that only a BN ruled state can bring more infrastructural development to Sarawak and Batang Ai . Although this rhetoric was highly arguable, the BN nevertheless won with a more than doubled majority, from 806 votes to 1854 votes. This proves the fact that the politics of development remains a vital instrument in shaping the political sentiment of Malaysian electorates at least in a relatively remote constituency such as the Batang Ai.

**Keywords:** by-election, Barisan Nasional party, political sentiment, politics of development, remote constituency, Sarawak


## Pengenalan

Keputusan pilihan raya umum yang berlangsung pada 8 Mac 2008 telah mengubah corak kontemporari landskap politik Malaysia. Ianya menjadi lipatan sejarah yang menyaksikan parti pemerintah, Barisan Nasional (BN) kehilangan 82 kerusi Parlimen dan 198 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kepada Pakatan Rakyat (PR). Lantas menafikan dua pertiga majoriti dalam Parlimen dan BN hilang kuasa di empat negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor dan terus tewas di Kelantan kepada PAS. Fenomena tersebut diibaratkan sebagai gelombang besar atau tsunami yang melanda landskap politik negara yang tidak disangkakan. Namun begitu, kekuatan BN masih utuh di wilayah Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak kerana BN menguasai 54 kerusi Parlimen iaitu 96 peratus daripada keseluruhan 56 kerusi di Malaysia Barat tersebut. Ketika tsunami politik melanda Semenanjung, jauh di seberang Laut China Selatan, Barisan Nasional (BN) Sarawak tetap mantap dan menjadi penyumbang terbesar kepada kemenangan BN pada pilihan raya umum ke-12, dengan hampir menyapu bersih semua 31 kerusi dipertandingkan. Berbekalkan 30 kerusi itu, Sarawak sebenarnya menyumbang 21.4 peratus kepada kemenangan 140 kerusi Parlimen yang dicapai BN bagi membolehkannya membentuk Kerajaan Persekutuan dengan majoriti mudah. Fenomena sedemikian dikaitkan dengan mentaliti atau aliran fahaman politik pembangunan yang kental dalam sanubari pengundi di wilayah tersebut. Setelah 11 bulan berlalu, politik Sarawak kembali 'panas' kerana dikaitkan dengan pilihan raya DUN yang bakal diadakan bila-bila masa meskipun tempoh sebenar pemerintahan negeri Sarawak hanya akan tamat pada tahun 2011. Senario politik Sarawak dihangatkan lagi dengan kematian ADUN Batang Air, Datuk Dublin Unting Ingkot secara automatik kerusi DUN tersebut kosong dan perlu diisi melalui pilihan raya kecil. Justeru itu, tujuan kertas kerja ini untuk memaparkan hubungan atau pengaruh politik pembangunan terhadap perlakuan politik atau pilihan parti di kalangan pengundi di kawasan pedalaman Batang Air, Sarawak.

## Kawasan kajian: Batang Air

Kawasan DUN Batang Air berkeluasan 1433 kilometer persegi serta berkedudukan di kawasan pedalaman di wilayah selatan Sarawak. Dari segi logistik perhubungan, ia terletak sejauh 300 kilometer dari timur bandar raya Kuching serta bersempadan dengan Provinsi Kalimantan Barat, Indonesia. Jumlah penduduk mengikut unjuran tahun 2009 seramai 22,270 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2006). 95 peratus penduduknya adalah orang Iban yang tinggal bertaburan di 108 buah rumah panjang yang sebahagian besarnya hanya boleh dikunjungi dengan menaiki bot antara tiga hingga lapan jam.

Umumnya, DUN Batang Air ini merupakan kawasan hutan belantara dan mempunyai sebuah pekan kecil iaitu Lubok Antu. Peratusan penduduk bagi kaum lain ialah Cina (3.75 peratus) dan Melayu (1.25 peratus). Dari segi logistik kawasan pilihan raya kecil pula, Batang Air adalah salah satu daripada dua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawah Parlimen Lubok Antu dengan satu lagi ialah Engkilili. Ia mempunyai 8006 pemilih iaitu 7963 pemilih biasa dan 43 pemilih pos. Terdapat 26 tempat mengundi di DUN Batang Air iaitu Sebangki, Lubok Antu I, Lubok Antu II, Sekarok, Kesit I, Kesit II, Engkari, Delok, Kaong, Empit, Kumpang, Klampu, Sayat, Kutai, Mepi, Jela, Sempang, Bertik, Krangan Mong, Engsawang, Kachong, Patoh, Bilararap, Sepaya, Gugu dan Nenyang (Lihat Rajah 1).



Sumber: <http://malvu.blogspot.com/2009/03/understanding-p203-n29-batang-air-state.html>

Rajah 1. Lokasi DUN Batang Air, Sarawak

Dari segi geopolitik dan pilihan raya, DUN Batang Air merupakan kawasan yang dimenangi oleh pelbagai parti yang bersifat ‘kenegerian’ atau ‘kebangsaan’ Sarawak dengan kelebihan undi yang tipis sebelum dikuasai BN bermula pilihan raya negeri 1979. Pilihan raya negeri Sarawak bermula apabila Sarawak menyertai Malaysia pada tahun 1963 iaitu dalam pilihan raya umum 1969. Pada pilihan raya umum 1969, kawasan ini dikenali sebagai ‘Ulu Ai’ yang dimenangi calon SNAP iaitu David a/k Jemut yang memperolehi sebanyak 934 undi menewaskan calon Perikatan Sarawak, PESAKA, SUPP dan dua orang calon Bebas dengan majoriti tipis 45 undi.

Kemudian pada pilihan raya umum 1974, kawasan ini terus dikenali sebagai Ulu Ai yang dimenangi calon SNAP (1479 undi) iaitu penyandang pada pilihan raya umum 1969 (David a/k Jimut) yang menewaskan calon BN iaitu Benedict Bujang a/k Penghulu dengan majoriti 199 undi. Pilihan raya 1979 telah diasingkan antara DUN dengan Parlimen di Sarawak, iaitu hanya kerusi DUN dipertandingkan dalam pilihan raya tersebut yang dimenangi calon BN dengan menang tanpa bertanding.

Kemudian pada pilihan raya negeri (DUN) 1983, nama ‘Ulu Ai’ ditukarkan kepada ‘Batang Ai’ dengan calon SNAP Sylvester Langit a/k Uming (1421 undi) menewaskan calon PBDS (1413 undi) dan calon Bebas (1009 undi) dengan majoriti sangat tipis iaitu 8 undi. Namun pada pilihan raya negeri (DUN) 1987, kawasan ini dimenangi calon Parti Pesaka Bumiputera (PBB) yang bertanding atas tiket BN, Mikai Mandau yang menewaskan calon Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) iaitu Nicholas Bawin Anggat dengan majoriti 741 undi.

Kemudian pada pilihan raya negeri 1991 (DUN), kerusi DUN ini dimenangi pula calon PBDS iaitu Dublin Unting Ingkot yang menewaskan penyandang dari PBB (BN) dengan majoriti tipis 83 undi. Seterusnya pada pilihan raya negeri (DUN) 1996, PBDS menyertai BN dan terus memenangi kawasan tersebut melalui calon yang sama dengan majoriti besar 2555 undi menewaskan calon Bebas. Berikutnya pada pilihan raya negeri (DUN) 2001 penyandang melalui calon yang sama (PBDS/BN) telah menang

tanpa bertanding di kawasan tersebut. Kemudian pada pilihan raya negeri (DUN) 2006, penyandang iaitu Dublin Unting Ingkot melalui tiket Parti Rakyat Sarawak (PRS) yang merupakan salah satu parti komponen BN yang baru iaitu parti serpihan PBDS, menang dengan menewaskan calon SNAP iaitu Nicholas Bawin Anggat dengan majoriti 806 undi.

## Data

Seramai 300 responden (pengundi) telah dipilih untuk disoal selidik di kawasan DUN Batang Air (pada awal April 2009) bertujuan untuk memperolehi pendapat mereka terhadap sumber maklumat politik, jenis akhbar yang dibaca, kriteria dalam pemilihan calon, ciri parti politik yang dipilih, isu atau perkara yang dibualkan, tahap pembangunan yang dijalankan dan penilaian mereka serta isu lain yang berkaitan dengan pembangunan. Satu set soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data primer. Pemerhatian dan tinjauan juga dilakukan di kawasan kajian untuk melihat perubahan landskap budaya politik, keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik berkomputer SPSS untuk melihat data analisis deskriptif frekuensi.

## Politik dan pembangunan: Ulasan literatur

Kajian-kajian awal terhadap politik pembangunan dan kesan pembangunan terhadap keputusan politik pengundi banyak dijalankan oleh pengkaji dalam dan luar negara. Lokman (1991) dalam kajian pengaruh parti-parti politik ke atas pembangunan di Kelantan mendapati bahawa pembangunan pada zaman pemerintahan UMNO/BN lebih baik berbanding zaman pemerintahan PAS di Kelantan. Gomez (1996) mengaitkan kemenangan BN dalam pilihanraya 1995 dengan empat faktor utama iaitu 4M (*Media, Money, Machinery & Mahathir*). Kesemua faktor tersebut dimiliki dan memihak kepada BN. Faktorfaktor ini memberikan kelebihan kepada BN yang mempunyai pengalaman memerintah Malaysia sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menilai arah sebenar politik pengundi Malaysia dalam setiap pilihanraya yang lebih cenderung kepada sogokan pembangunan semata-mata. Aeria, A. (1997) telah membincangkan tentang politik pembangunan dan pilihan raya negeri Sarawak 1996. Perbincangan adalah berkaitan strategi BN mendekati pengundi dengan menggunakan strategi politik pembangunan. Manifestasi kempen dilihat cukup berpengaruh dalam pengagihan projek-projek pembangunan dan pemberian sumber-sumber awam serta wang untuk menjamin kemenangan BN.

Mohd Faisal Syam Abdol Haziz, Neilson Ilan Mersat & Ahi Sarok (2002) dalam kajian tingkah laku pengundian dalam pilihan raya parlimen Sarawak mendapati faktor isu lokal iaitu pembangunan setempat mempengaruhi keputusan pilihan raya di Sarawak di samping faktor-faktor latar belakang masyarakat, kebudayaan, kepercayaan, sejarah politik, parti politik dan persekitaran. Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif & Mohd Fuad Mat Jali (2003) dalam kajian pilihan raya DUN Sarawak 200: satu analisis ekonomi politik mendapati bahawa proses pilihan raya DUN Sarawak secara umumnya masih berkisar di sekitar ‘politik pembangunan’, di samping faktor ideologi dan institusi turut mempengaruhi keputusan pilihan raya tersebut. Turut dinyatakan, kekuatan BN terletak pada kekuatan material dan sumber manusia iaitu keupayaannya menempatkan isu-isu politik pembangunan dan isu etnisiti secara berkesan dan sekali gus meraih kejayaan. Misliyana (2003) dalam kajian pengaruh pembangunan dan latar belakang sosioekonomi terhadap tingkah laku pengundi di Betong, Sarawak mendapati bahawa pembangunan mempunyai hubungan dengan tingkah laku pengundi. Hubungan ini dipengaruhi oleh kesedaran pengundi terhadap kepentingan pembangunan yang semakin giat dirancang dan dilaksanakan di Betong.

Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar (2005) dalam kajian pilihan raya kecil Pengkalan Pasir pada Mac 2005 memaparkan bahawa pilihan raya kecil tersebut merupakan indikator penilaian kekuatan PAS bertahan di Kelantan dan penaklukan semula kuasa BN. Lazimnya pilihan raya kecil sememangnya

memberi kelebihan kepada parti pemerintah, namun begitu, percaturan politik Kelantan tetap menarik kerana kedudukan majoritinya yang rapuh atau bahaya. Jika kemenangan BN di DUN Pengkalan Pasir merupakan satu manifestasi anjakan pemikiran politik pembangunan di kalangan pengundi, sudah pasti fenomena tersebut memihak kepada BN dan dianggap sebagai petanda yang mendorong BN berkuasa semula. Hanapi Dollah (2008) dalam kajian politik Melanau: pembangunan dan kemunduran menyatakan gagasan ‘politik pembangunan’ sangat mempengaruhi perasaan pengundi di Sarawak melalui peranan hubungan kebergantungan/penaungan antara Parti Pesaka Bumiputera (PBB) dengan orang Melanau. Mereka memberi sokongan penuh kepada Ketua Menteri, Pehin Sri Abdul Taib Mahmud sehingga kawasan mereka yang dominannya di Balingian, Mukah menjadi kubu kuat kepada Barisan Nasional di Sarawak.

## Hasil kajian dan perbincangan

### *Politik pembangunan di Batang Air*

Politik pembangunan merupakan perkara utama dalam kemajuan sosioekonomi sesuatu kawasan, terutamanya di kawasan mundur di bahagian pedalaman. Politik pembangunan dapat difahami melalui projek pembangunan fizikal dan modal insan yang memberi faedah yang tersirat kepada rakyat antaranya ialah meningkatkan pendapatan rakyat, menambahkan peluang pekerjaan, menambahkan peluang perniagaan, menaikkan taraf ekonomi rakyat, meningkatkan taraf pendidikan serta pemikiran dan juga pelbagai-bagai lagi faedah yang bakal diterima oleh rakyat sekiranya pembangunan berada di kawasan mereka. Dalam konteks negeri Sarawak, negeri tersebut hampir keseluruhannya merupakan kawasan pedalaman dan jaringan perhubungan dan pengangkutan memainkan peranan utama dalam memungkin pembangunan kawasan.

Istilah “Politik Pembangunan” telah dipopularkan oleh Ketua Menteri Sarawak sekarang iaitu YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dalam setiap ucapan beliau ketika majlis pemimpin bersama rakyat atau dalam program-program perasmian projek pembangunan sama ada dalam upacara pecah tanah mahupun perasmian pembukaan infrastruktur-infrastruktur baru di Sarawak. Ketika kempen-kempen pilihan raya di Sarawak, beliau mengistilahkan politik pembangunan sebagai ‘gaya Sarawak’ yang menekankan pembangunan infrastruktur dan sosioekonomi secara berterusan dengan mengekalkan BN sebagai parti pemerintah di Sarawak (Abdul Taib Mahmud 2000). Di Batang Ai amat sukar untuk membaca aliran sokongan kecuali jika berupaya meninjau ke semua rumah panjang. Kebanyakan pekerja parti, kakitangan kerajaan yang terlibat dan petugas media akan singgah di pekan kecil Lubok Antu ketika bertugas. Jumlah simbol BN dan PKR yang kelihatan adalah hampir sama banyak. Poster kempen yang BN gunakan jelas menjadikan isu pembangunan sebagai strategi kempen. Sebagai contoh, sebuah poster besar yang dipasang beberapa hari di pekan ini berbunyi: “*Pasar Permatang Pauh Nadai (tidak) Berubah Dalam 27 Tahun*”. Bangunan-bangunan pasar di Permatang kelihatan usang dan buruk. Terdapat juga banner dalam bahasa Iban berbunyi “*Ulih Orang Tu gubah Penghidup di Batang Ai* (Bolehkah Orang Itu Mengubah Kehidupan di Batang Ai)”. Jelas yang dimaksudkan sebagai ‘orang tu’ dalam pertanyaan tersebut ialah pemimpin de-facto PKR, Dato’ Seri Anwar Ibrahim yang mahu menjadikan Batang Ai sebagai batu loncatan bagi menawan Sarawak dalam pilihan raya umum akan datang. Malah ada penceramah PKR dari Selangor yang lantang menyatakan bahawa Batang Ai adalah kepunyaan PKR kerana ‘Ai’ bermaksud Anwar Ibrahim.

Pimpinan BN, kerajaan pusat dan kerajaan negeri, selalu bertanya kepada penghuni-penghuni rumah panjang dalam ceramah mereka: “Bolehkah Jawah Gerang (calon PKR) membawa pembangunan ke Batang Air jika mereka menang?”. Daripada kenyataan tersebut, dapat dilihat bahawa PKR masih menjadi pembangkang kecil di Sarawak dan ia tidak boleh membawa pembangunan kepada Sarawak selagi ia masih menjadi pembangkang. Maka strategi yang digunakan ialah dengan memainkan isu-isu yang boleh mempengaruhi emosi penduduk Batang Air. Rumah-rumah panjang penempatan baru sudah

berusia 25 tahun dan banyak yang kelihatan usang. Penghuninya kini meminta bantuan bagi memperbaiki rumah-rumah panjang mereka. Mereka juga meminta sebuah hospital mini di Lubok Antu dan sebuah sekolah menengah kebangsaan di situ dinaiktaraf bagi menyediakan kelas tingkatan enam. Selain isu-isu tersebut, pertalian kekeluargaan dan suku-sakat juga dilihat sebagai satu faktor yang perlu diambil kira. Calon PKR Jawah Gerang adalah bekas Ahli Parlimen Lubok Antu (meliputi kawasan DUN Batang Air) selama lima penggal dan beliau mempunyai ramai saudara mara di Batang Air. Faktor ini menjadi perhitungan PKR untuk memilihnya sebagai calon. BN memilih Malcolm Mussen Lamoh sebagai calon kerana beliau juga anak tempatan. Tentulah Mussen perlu bekerja lebih keras daripada Jawah untuk memperkenalkan dirinya kepada penduduk rumah panjang. Jika Mussen berjaya memikat hati penduduk rumah panjang Batang Air dan mereka yakin bahawa hanya BN boleh membawa pembangunan dan menuaikan janji-janji yang diberikan, maka Batang Air akan terus menjadi kerusi DUN *status quo* milik BN.

### *Isu yang dibincangkan*

Tujuan kempen diadakan ialah untuk menyampaikan mesej supaya pengundi dapat melihat sendiri sama ada melalui media atau pun secara terus dan mewujudkan kepercayaan kepada pengundi. Isi kempen yang hendak disampaikan dikawal oleh calon atau parti dan dihebahkan supaya mereka dinilai sebaik mungkin. Strategi kempen moden dilakukan melalui saluran media berbayar atau tidak berbayar untuk memastikan penonjolan calon yang terbaik. Di Malaysia dalam sesuatu kempen pilihan raya isu yang terpenting dibincangkan ialah politik pembangunan. Rakyat Malaysia telah diajar untuk menilai pembangunan dan modenisasi (Arnold Puyok, 2003) dan mereka hanya mempercayai parti pemerintah (BN) yang mampu menyediakan pembangunan di bandar atau pun di luar bandar secara berterusan. Ini bermakna kempen calon pembangkang kurang berkesan dan dipercayai boleh membawa perubahan di sesuatu kawasan.

Fenomena tersebut juga wujud di kawasan kajian, pembangunan (82.6 peratus) menjadi isu utama perbincangan. Isu ini amat perlu diambil perhatian oleh calon yang bertanding kerana kawasan DUN Batang Air masih memerlukan kemudahan infrastruktur yang lengkap dan menyeluruh seperti jaringan jalan raya dan infrastruktur lain yang berkaitan dengan kehidupan sehari-hari mereka. Isu pemulihan ekonomi pula (83.5 peratus) dialami oleh semua pihak dan melibatkan kesan berantai iaitu daripada kenaikan harga bahan api, tambang kenderaan, harta tanah hingga harganya barang (Lihat Jadual 1). Kesannya amat dirasai bagi golongan yang berpendapatan rendah sama ada di kampung atau di bandar.

**Jadual 1. Isu/perkara yang selalu dibualkan/dibincangkan**

Perkara	Peratus
Isu pembangunan	83.6
Pemulihan ekonomi	82.5
Isu tanah	57.5
Isu pekerjaan	23.4
Isu kepimpinan	23.1
Isu kestabilan dan perpaduan	12.9
Isu rasuah	3.6
Isu DEB	3.2
Isu petempatan/perumahan	2.1

Daripada responden yang diselidiki, 79.2 peratus menyatakan mereka kenal dengan calon yang bertanding dalam pilihan raya kecil kali ini. Majoriti daripada mereka (60.9 peratus) juga menyatakan dalam setiap pilihan raya, mereka akan memilih parti. Bagi mereka, hanya melalui parti mereka dapat menikmati pembangunan serta khidmat yang lebih baik dan konsisten berbanding calon kerajaan kerana pembuatan sesuatu keputusan adalah berdasarkan kepada keputusan kerajaan iaitu parti yang menguasai

sesuatu kerajaan. Seterusnya, 95.5 peratus responden menyatakan Dato' Seri Najib akan menjadi Perdana Menteri yang lebih baik menerajui pembangunan Malaysia (lihat jadual 2).

**Jadual 2. Pandangan politik/isu semasa**

Perkara	Peratus
Sebagai seorang rakyat Sarawak, saya mempertahankan dan menghormati Undang-Undang Negeri Sarawak & Yang Dipertua Negeri	99.7
Mahukan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dikekalkan dan dinilai semula selaras dengan perubahan semasa	95.8
Mahu mengekalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) demi menjaga keselamatan Negara	99.4
Bersetuju Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menjalankan tugasnya dengan baik dan berkecuali	99.4
Pengundi mahukan BN terus memerintah di Sarawak	95.5
PPSMI perlu dikekalkan	98.5
Pengundi Batang Air menyokong kepemimpinan bakal Perdana Menteri yang keenam (Dato' Seri Mohd. Najib) untuk menerajui Kerajaan Malaysia	95.5

### *Janji pembangunan*

Rakyat Sarawak di Batang Air menyatakan bahawa mereka ingin BN terus memerintah Sarawak dalam penggal akan datang (95.5 peratus). Ini kerana responden yang mengikuti perkembangan pembangunan kerajaan negeri dapat melihat sendiri program-program pembangunan fizikal dan kerohanian yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri dan mantan YB kawasan mereka yang terdahulu seterusnya menerima secara total doktrin politik pembangunan yang dipopularkan sendiri oleh YAB Ketua Menteri Sarawak sekarang. Oleh itu, pengundi di kawasan ini menyambut baik dan terpengaruh dengan janji-janji projek pembangunan yang dirancang semasa kempen pilihan raya kecil DUN Batang Air seperti:

- Pemasangan jaringan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan pelancaran Pusat Maklumat Luar Bandar di rumah panjang di Batang Air
- RM 2 juta telah dilulus untuk menaiktaraf rumah-rumah panjang di sekitar kawasan Batang Air (kenyataan Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Joseph Entulu Belaun). Setiap bilik di rumah-rumah panjang yang telah dikenalpasti akan menerima sekitar RM300 ke RM1,000 bagi membaiki dinding dan atap-atap rumah dan pembesaran ruang dapur.
- Menteri Kemajuan Tanah, Dato Sri Dr. James Masing mengumumkan pemberian dana sebanyak RM50 juta, antaranya bagi pelaksanaan projek penurapan Jalan Lemanak sejauh 7 kilometer dan kerja-kerja pengukuran dan pembinaan jalan sepanjang 60km dari Lemanak ke Ulu Engkari, Batang Air.
- Projek penurapan jalan keliling sepanjang 10km di Batang Ai yang bernilai RM12 juta akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan menggunakan dana dari pakej rangsangan kedua yang bernilai RM60 bilion.
- Pemberian Geran Kerajaan sebanyak RM5000 kepada JKKA dan Biro Wanita di Nanga Jela, Batang Air.
- Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA) akan membangunkan tanah terbiar milik 14 pemilik tanah di kawasan Engkilili. SALCRA juga telah membayar RM70 juta dividen kepada peserta tanah rancangan pembangunan di Lubok Antu sejak 30 tahun lalu.
- Dato' Alfred Jabu, Timbalan Ketua Menteri Sarawak mengumumkan pemberian Geran Kerajaan sebanyak RM500,000 untuk kerja-kerja menaik taraf jalan sekitar Engkilili.
- Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akan membangunkan industri pembuatan "Nuan" atau pasu Iban di Rumah Panjang (Rh) Ngumbang di Nanga Sumpa, Batang

Air. Menteri berkenaan, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal menyampaikan peruntukan permulaan berjumlah RM46,000 untuk memulakan industri itu pada majlis penutup bengkel bimbingan teknikal pasu Iban yang diadakan di rumah panjang tersebut, satu penempatan agak terpencil di Batang Air yang hanya dapat dihubungi melalui jalan sungai. Peruntukan berkenaan sebahagian besarnya akan digunakan untuk membina sebuah bengkel seramik sementara sebahagian lagi untuk membangunkan kraf seramik.

- Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM35.75 juta untuk pembelian dan pembinaan lapan Pusat Giat Mara (PGM) di Sarawak, termasuk di Batang Air.
- Kerajaan telah melaksanakan projek pembangunan bernilai lebih RM80 juta di Lubok Antu (kenyataan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud). Sesetengah daripada projek itu akan siap tidak lama lagi manakala yang lain dijangka siap dalam tempoh dua tahun akan datang.
- Majlis pecah tanah bangunan Pusat Giat Mara di Batang Air yang dijangka menelan kos RM10 juta.
- Pembinaan kompleks polis yang baru bernilai RM40 juta dan pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) bernilai RM11.7 juta yang kini giat dijalankan, dan dijangka siap Februari 2010.
- Penurapan jalan lingkaran Skim Penempatan Semula Batang Ai dengan kos antara RM10 juta hingga RM12 juta.
- Jalan Lubok Antu/Nanga Bulo akan mendapat RM13.2 juta untuk tujuan penurapan manakala RM10 juta telah diperuntukkan bagi menaiktaraf Jalan Lubok Antu/Nanga Kesit.
- Pengumuman Ketua Menteri Sarawak terhadap peruntukan tabung khas RM1.5 juta dari Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk kerja membaik pulih kira-kira 150 rumah panjang di kawasan Batang Ai.
- Pemberian kontrak bernilai kira-kira RM3 juta dikeluarkan bagi membekalkan elektrik kepada beberapa rumah panjang di Batang Air melalui skim RES. Skim Pemasangan Tenaga Elektrik di Luar Bandar Sarawak (RES) akan ditumpukan di kawasan yang sukar untuk dipasang talian elektrik berikutan kedudukan topografinya.
- Pegawai daerah Lubok Antu Nelson Mujah Girie menyatakan beberapa projek pembangunan yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan menggunakan kelebihan status wilayah sempadan dan sumber asli di Batang Air. Beliau turut menjelaskan bahawa pembinaan kompleks polis bernilai RM58.7 juta yang dijadual siap pada Julai 2009 akan meningkatkan lagi keselamatan kawasan sempadan dan kerjasama dua hala dengan jiran kami manakala jeti baru di projek hidro elektrik Batang Ai akan melengkapkan lagi pelancongan berasaskan ekologi akan menambahkan lagi kemudahan yang ada.
- Pembinaan jeti yang dilengkapi dengan kawasan berbumbung bernilai RM1 juta dan akan menjadi tempat bagi acara tahunan Pesta Batang Air yang mengadakan acara sukan air. Pembinaan pejabat daerah baru Batang Air yang bernilai RM1.9 juta menjelang September 2009
- Pemberian sumbangan berjumlah RM 10 000 kepada ahli jawatankuasa rumah panjang di Winston Bana, Nanga San.

#### *Keputusan*

Semasa kajian dijalankan, pengundi (85 peratus) Batang Air menyatakan akan mengundi BN dan ini selaras dengan keputusan sebenar pilihan raya kecil pada 7 April 2009. Barisan Nasional (BN) mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air dengan majoriti besar 1,854 undi yang menggambarkan masyarakat Iban di pedalaman menyokong kuat kerajaan dan menolak pembangkang. Calon BN, Malcom Mussen Lamoh memperoleh 3,907 undi mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR), Jawah Gerang (2,053 undi). Sebanyak 59 undi rosak manakala 75.32 peratus dari 8,006 pengundi telah keluar mengundi. Kawasan yang berjaya ditawan semula oleh BN ialah Engkari, Delok, Beretik, Kachong, Bilararap dan Spaya. Hanya empat daripada 24 daerah mengundi menyaksikan kemenangan

PKR iaitu di Sayat, Jela, Sempang dan Gugu, namun BN turut berjaya menambah jumlah undi di kawasan tersebut.

Faktor utama yang menyumbang kepada kemenangan besar BN Sarawak adalah disebabkan pengundi masih yakin terhadap BN Sarawak dan dasar politik yang bertunjangkan politik pembangunan yang diasaskan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud. Isu yang dimainkan pembangkang dan calon Bebas, tidak diterima baik pengundi, yang akhirnya percaya bahawa mereka mahukan kestabilan politik dan pembangunan, terutama kemudahan asas yang masih berkurangan khususnya di luar bandar. Keberkesanan jentera kemenangan BN Sarawak yang cukup efektif berbanding jentera kemenangan pembangkang juga tidak boleh kita nafikan. Ini ditambah lagi dengan barisan calon BN Sarawak yang lebih berwibawa, berpengalaman dan berkelulusan tinggi berbanding calon pembangkang. Kesepakatan amat longgar di kalangan pembangkang di Sarawak berbanding di Semenanjung juga menyumbang kepada kemenangan besar BN.

## Kesimpulan

Kemenangan BN membuktikan bahawa sentimen ‘Politik Pembangunan’ terus relevan pada pemikiran serta pertimbangan pemilihan parti politik pengundi di Sarawak. Kemenangan BN selaras dengan dapatan kajian pra pilihan raya yang dijalankan semasa kemenangan dijalankan. Kemenangan tersebut juga membuktikan keyakinan rakyat Sarawak terhadap Perdana Menteri yang baru, Dato’ Sri Mohd. Najib Tun Hj. Abdul Razak. Rakyat Sarawak khususnya pengundi di DUN Batang Air meletakkan harapan yang tinggi kepada Perdana Menteri kerana mereka yakin beliau akan membela nasib penduduk di luar bandar seterusnya meningkatkan Indeks Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kerajaan BN untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik dan membangunkan kawasan bandar dan luar bandar di Sarawak khasnya dan di peringkat nasional amnya.

## Rujukan

- Aeria A (1997) The politics of development and the 1996 Sarawak state election. *Jurnal Kajian Malaysia* 15 (1&2), 57-83.
- Abdul Taib Mahmud (2000) *Pemikiran politik pembangunan mencapai wawasan 2020 cara Sarawak*. Angkatan Zaman Mansang (AZAM) Sarawak, Kuching.
- Arnold Puyuk (2005) The 2004 Ba’kelalan by election in Sarawak, East Malaysia: The Lun Bawang factor and whither representative democracy in Malaysia. *Contemporary Southeast Asia* 27 (1), 64-79.
- Gomez ET (1996) *The Malaysian general elections: A report and commentary*. Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.
- Hanapi Dollah (2008) Politik Melanau: Pembangunan dan kemunduran. In: Ahmad Nidzam Sulaiman (ed) *Prosiding pilihan raya dan pembangunan politik Sarawak*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Lokman Zakey Hashim (1991) Pengaruh parti-parti politik ke atas pembangunan: Kajian kes di kawasan parlimen Pasir Putih dan Pengkalan Chepa, Kelantan. Latihan Ilmiah Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Misliyana Menterang (2003) Pengaruh pembangunan dan latar belakang sosioekonomi ke arah pembentukan tingkah laku pengundi: Tumpuan Daerah Betong dalam pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sarawak 27 September 2001. Projek Sarjana Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Faisal Syam Abdol Haziz, Neilson Ilan Mersat, Ahi Sarok (2002) *Tingkah laku pengundian dalam pilihan raya parlimen Sarawak*. Unit Penerbitan Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar (2006) Pilihan raya kecil DUN Pengkalan Pasir, Kelantan 2006: Petanda BN menguasai Kelantan. In: Stanislaus Sandarupa (ed) *Prosiding Seminar Bersama Universiti Hasanuddin dan Universitas Kebangsaan Malaysia*. Kemelayuan Indonesia dan Malaysia. Universitas Hasanuddin, Indonesia, Makasar.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1969*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1974*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya DUN Sarawak 1979*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya DUN Sarawak 1983*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya DUN Sarawak 1987*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya DUN Sarawak 1991*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya DUN Sarawak 1996*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya DUN Sarawak 2001*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya DUN Sarawak 2006*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, Mohd Fuad Mat Jali (2003) Pilihan raya DUN Sarawak 2001: Satu analisis ekonomi politik. *Jurnal JEBAT* 30, 23-41.